

Pengaruh Xenoglossofobia Terhadap Keberkesanan Pembelajaran Bahasa Inggeris dalam Kalangan Pelajar Politeknik Sultan Idris Shah

Nur Hidayati Sanusi[#], Mohd Khairi Nordin^{@Baharuddin *}, Mohammad Muda[#]

^{###} Jabatan Pengajian Am, Politeknik Sultan Idris Shah, Sg. Lang, Selangor, Malaysia.

E-mail: hidayatisanusi@psis.mypolycc.edu.my

E-mail: khairinordin@psis.edu.my

E-mail: mohammad@psis.edu.my

Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji pengaruh xenoglossofobia, iaitu kebimbangan terhadap penggunaan bahasa asing, terhadap keberkesanan pembelajaran Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar politeknik. Fokus utama kajian merangkumi pengukuran tahap xenoglossofobia serta penilaian impaknya terhadap motivasi dan prestasi pembelajaran pelajar. Dengan menggunakan reka bentuk kuantitatif deskriptif menerusi tinjauan merentas, seramai 224 pelajar diploma (Semester 1 hingga Semester 3) telah dipilih sebagai sampel daripada populasi 426 orang berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan. Instrumen kajian melibatkan soal selidik skala Likert lima mata yang merangkumi konstruk xenoglossofobia, motivasi dan prestasi dengan nilai kebolehpercayaan Cronbach's Alpha yang tinggi (α antara 0.907 hingga 0.929). Data dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan perisian SPSS versi 26.0 melalui ujian korelasi Spearman. Dapatan kajian menunjukkan xenoglossofobia berada pada tahap sederhana (min = 3.12, SP = 0.95). Analisis korelasi mendedahkan wujudnya hubungan negatif yang signifikan antara xenoglossofobia dengan motivasi ($r = -0.264, p < 0.01$) serta prestasi pembelajaran ($r = -0.390, p < 0.01$). Sebaliknya, motivasi menunjukkan hubungan positif yang kuat dengan prestasi ($r = 0.621, p < 0.01$). Secara keseluruhannya, peningkatan xenoglossofobia terbukti menurunkan motivasi dan prestasi akademik pelajar, sekali gus memberi implikasi bahawa aspek emosi dan psikologi perlu diintegrasikan dalam perancangan pedagogi bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran bahasa kedua yang lebih kondusif dan menyokong.

Kata Kunci : xenoglossofobia; kebimbangan Bahasa; motivasi pembelajaran; prestasi akademik; pembelajaran bahasa inggeris.

I. PENGENALAN

Penguasaan bahasa Inggeris merupakan satu keperluan penting dalam sistem pendidikan tinggi, khususnya dalam institusi teknikal seperti politeknik yang menekankan kebolehpasaran graduan dan kompetensi komunikasi global. Walau bagaimanapun, dalam proses pembelajaran bahasa kedua, pelajar sering berhadapan dengan pelbagai cabaran psikologi, antaranya ialah Xenoglossofobia, iaitu kebimbangan atau ketakutan terhadap penggunaan bahasa asing yang boleh menjejaskan proses pemerolehan bahasa [1]. Xenoglossofobia atau kebimbangan berbahasa sering dikaitkan dengan perasaan cemas, keengganan berkomunikasi dan tekanan emosi yang boleh mengurangkan keyakinan diri serta keterlibatan aktif pelajar dalam aktiviti bilik darjah [2].

Kajian terkini dalam konteks pendidikan teknikal di Malaysia menunjukkan bahawa pelajar

TVET cenderung mengalami tahap kebimbangan yang lebih tinggi disebabkan oleh jurang antara kemahiran teknikal dan keperluan komunikasi profesional [3]. Fenomena kebimbangan ini bukan sahaja mempengaruhi aspek keyakinan dan tingkah laku pelajar semasa berinteraksi dalam bahasa Inggeris, tetapi turut berpotensi menurunkan motivasi intrinsik mereka untuk belajar serta menjejaskan prestasi akademik secara keseluruhan. Keadaan ini berlaku apabila pelajar memberi tumpuan kepada rasa takut membuat kesalahan atau penilaian negatif oleh rakan sebaya, sekaligus mengurangkan fokus terhadap pembelajaran yang efektif [2]. Dalam persekitaran politeknik, pelajar datang daripada pelbagai latar belakang pendidikan dan tahap penguasaan bahasa yang berbeza, menjadikan pemahaman terhadap tahap xenoglossofobia serta implikasinya terhadap motivasi dan prestasi pembelajaran sebagai satu aspek penting untuk diperhalusi. Kajian ini dijalankan untuk (1) mengukur tahap

xenoglossofobia dalam kalangan pelajar dan (2) menilai kesannya terhadap motivasi serta prestasi dalam kursus Bahasa Inggeris. Dapatan kajian ini diharapkan dapat mengenal pasti halangan emosi yang menjejaskan pembelajaran serta memberi panduan kepada tenaga pengajar dalam merancang suasana bilik darjah yang lebih kondusif dan menyokong.

II. PENYATAAN MASALAH

Masalah utama yang mendasari kajian ini ialah kemerosotan tahap penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar teknikal yang berpunca daripada halangan psikologi yang tidak ditangani. Pemerhatian awal di Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS) menunjukkan bahawa walaupun pelajar memiliki kemahiran teknikal yang tinggi, sebahagian besar daripada mereka menunjukkan keengganan yang ketara untuk melibatkan diri dalam aktiviti lisan atau pembentangan dalam bahasa Inggeris. Berdasarkan data prestasi dalam kursus bahasa Inggeris di PSIS, terdapat segelintir pelajar yang sukar mencapai tahap kompetensi yang diperlukan dalam penilaian komunikatif, yang mana kualiti interaksi mereka sering terganggu oleh simptom kegugupan dan ketakutan melakukan kesilapan tatabahasa di hadapan rakan sebaya.

Walaupun literatur global telah banyak membincangkan kebimbangan bahasa, terdapat jurang yang ketara dalam memahami bagaimana xenoglossofobia secara khusus mempengaruhi pelajar dalam sistem politeknik di Malaysia yang mempunyai ekosistem pembelajaran yang berorientasikan amali. Kegagalan untuk mengenal pasti tahap xenoglossofobia ini mengakibatkan strategi pengajaran sedia ada kurang berkesan kerana hanya memfokuskan kepada aspek kognitif tanpa menangani “penapis afektif” pelajar. Justeru, satu kajian empirikal amat diperlukan untuk membuktikan sejauh mana faktor ketakutan terhadap bahasa asing ini menjadi penghalang utama kepada motivasi dan prestasi akademik pelajar di PSIS bagi mengelakkan isu kebolehpasaran graduan pada masa hadapan.

III. KAJIAN LITERATUR

A- Xenoglossofobia dan Kebimbangan Bahasa

Konsep kebimbangan bahasa dalam pembelajaran bahasa kedua telah lama dibincangkan dalam literatur pendidikan. Horwitz, Horwitz dan Cope

memperkenalkan konsep *Foreign Language Classroom Anxiety (FLCA)* sebagai bentuk kebimbangan khusus yang berkaitan dengan pembelajaran bahasa asing [4]. Mereka menegaskan bahawa kebimbangan bahasa boleh mengganggu pemrosesan kognitif dan prestasi pelajar dalam situasi pembelajaran formal.

MacIntyre [5] turut menyatakan bahawa kebimbangan bahasa mempunyai hubungan negatif dengan pencapaian akademik dan boleh menghalang keberkesanan pemerolehan bahasa. Kebimbangan yang tinggi menyebabkan pelajar kurang berani mengambil risiko untuk berkomunikasi, sekali gus mengehadkan peluang latihan bahasa.

B- Teori *Affective Filter* dan Implikasi Emosi

Krashen [6] melalui *Affective Filter Hypothesis* menjelaskan bahawa faktor emosi seperti kebimbangan, motivasi dan keyakinan diri bertindak sebagai penapis (filter) yang mempengaruhi pemerolehan bahasa. Apabila tahap kebimbangan tinggi, penapis afektif meningkat dan menghalang input bahasa daripada diproses secara optimum. Dalam konteks ini, xenoglossofobia boleh dianggap sebagai faktor yang meningkatkan penapis afektif dan mengurangkan keberkesanan pembelajaran. Dapatan terkini oleh Dewaele dan Li [7] mengukuhkan teori ini dengan menyatakan bahawa dinamika emosi dalam bilik darjah, termasukimbangan antara kebimbangan dan keseronokan belajar, adalah penentu utama keberkesanan pemerolehan bahasa.

C- Motivasi dan Prestasi Pembelajaran

Motivasi merupakan faktor penting dalam menentukan kejayaan pembelajaran bahasa kedua. Gardner [8] menekankan bahawa motivasi yang tinggi berkait rapat dengan pencapaian yang lebih baik dalam pembelajaran bahasa. Pelajar yang bermotivasi tinggi cenderung menunjukkan usaha yang lebih konsisten serta sikap positif terhadap pembelajaran.

Hubungan antara kebimbangan bahasa dan prestasi turut disokong oleh kajian empirikal [9] yang mendapati bahawa tahap kebimbangan yang tinggi mempunyai hubungan negatif yang signifikan dengan pencapaian bahasa. Dapatan ini menunjukkan bahawa aspek emosi dan motivasi saling berkait dalam mempengaruhi prestasi akademik. Malah, kajian khusus mengenai pelajar vokasional di Malaysia menggunakan model persamaan struktur (SEM) membuktikan bahawa kebimbangan bahasa mempunyai kesan langsung terhadap tahap kemahiran bahasa mereka [10].

Walaupun terdapat literatur global yang luas, kajian yang memfokuskan kepada ekosistem politeknik di Malaysia masih terhad, menjadikan kajian ini penting untuk mengisi jurang literatur sedia ada.

Secara keseluruhannya, sorotan literatur menunjukkan bahawa xenoglossofobia atau kebimbangan bahasa berpotensi memberi kesan negatif terhadap motivasi dan prestasi pelajar. Namun begitu, kajian dalam konteks politeknik Malaysia masih terhad, justeru kajian ini dijalankan bagi mengisi jurang tersebut.

D- Kepentingan Kajian:

Kepentingan kajian ini terletak pada usaha untuk mengenal pasti halangan emosi yang berpotensi menjejaskan keberkesanan pembelajaran bahasa Inggeris. Selain itu, dapatan kajian diharapkan dapat memberikan panduan kepada tenaga pengajar dalam merancang dan mewujudkan suasana bilik darjah yang selamat secara emosi, kondusif serta menyokong perkembangan keyakinan dan motivasi pelajar dalam pembelajaran bahasa kedua.

IV. KAEDAH PENYELIDIKAN

A- Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif deskriptif berbentuk tinjauan merentas. Reka bentuk ini dipilih kerana ia sesuai untuk mengukur tahap Xenoglossofobia serta menilai hubungannya dengan motivasi dan prestasi pelajar secara sistematik melalui data kuantitatif yang dianalisis secara statistik. Statistik deskriptif seperti min dan sisihan piawai digunakan untuk menerangkan taburan pemboleh ubah, manakala analisis regresi digunakan untuk menilai hubungan pengaruh antara pemboleh ubah bebas dan bersandar dalam kajian ini. Statistik deskriptif dan inferensial adalah komponen penting dalam kajian kuantitatif kerana ia membolehkan penyelidik membuat kesimpulan berdasarkan data yang dikumpul [10], [11].

B- Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian terdiri daripada pelajar diploma Semester 1 hingga Semester 3 yang mengikuti kursus Bahasa Inggeris dalam 12 kelas dengan jumlah keseluruhan 426 orang pelajar. Saiz sampel minimum ditentukan menggunakan Jadual Krejcie dan Morgan (1970), di mana populasi tersebut

memerlukan sekurang-kurangnya 205 responden. Namun, kajian ini berjaya memperoleh maklum balas daripada 224 responden, melebihi keperluan minimum dan mencukupi untuk analisis statistik lanjut.

C- Instrumen Kajian

Instrumen kajian berupa soal selidik yang dibina berdasarkan skala Likert lima mata telah diadaptasi dari kajian terdahulu untuk mengukur pemboleh ubah utama. Soal selidik ini dibahagikan kepada empat bahagian iaitu;

- ✓ Bahagian A – Demografi Responden
- ✓ Bahagian B – Tahap Xenoglossofobia (Pemboleh Ubah Bebas) – 10 item
- ✓ Bahagian C – Tahap Motivasi Pembelajaran (Pemboleh Ubah Bersandar 1) – 8 item
- ✓ Bahagian D – Keberkesanan Pembelajaran / Prestasi (Pemboleh Ubah Bersandar 2) – 8 item

Reka bentuk instrumen ini adalah bertujuan untuk memastikan setiap konstruk diukur secara konsisten dan menyeluruh.

D- Kajian Rintis dan Kebolehpercayaan Instrumen

Kajian rintis telah dijalankan menggunakan SPSS versi 26.0 untuk menilai kebolehpercayaan instrumen menggunakan Cronbach's Alpha. Nilai kebolehpercayaan adalah seperti berikut:

- Xenoglossofobia (10 item): $\alpha = 0.907$
- Motivasi Pembelajaran (8 item): $\alpha = 0.928$
- Keberkesanan Pembelajaran/Prestasi (8 item): $\alpha = 0.929$

Nilai Cronbach's Alpha melebihi 0.70 menunjukkan tahap kebolehpercayaan konstruk yang baik hingga sangat baik, justeru instrumen ini adalah konsisten dan sesuai digunakan untuk kajian sebenar [10], [11].

E- Prosedur Analisis Data

Data dikumpulkan dan dianalisis menggunakan SPSS versi 26.0. Analisis yang dilakukan merangkumi:

- ✓ Statistik deskriptif – untuk menentukan nilai min dan sisihan piawai bagi mengukur tahap

Xenoglossofobia, motivasi dan prestasi pelajar.

✓ Ujian kenormalan taburan menggunakan ujian Kolmogorov-Smirnov dan Shapiro-Wilk untuk menilai taburan data.

✓ Analisis inferensi yang menggunakan regresi linear bagi menilai pengaruh Xenoglossofobia terhadap motivasi dan prestasi pembelajaran.

Ujian kenormalan seperti Shapiro-Wilk digunakan kerana ia lebih sensitif dalam menentukan sama ada data bertaburan normal, yang merupakan andaian penting sebelum memilih ujian statistik inferensi yang sesuai [10], [12].

F- Ujian Kenormalan Taburan

Ujian kenormalan taburan dijalankan menggunakan kedua-dua ujian Kolmogorov-Smirnov dan Shapiro-Wilk. Shapiro-Wilk dipilih sebagai ujian rujukan utama kerana ia lebih sesuai untuk dataset saiz kecil atau sederhana apabila terdapat keperluan untuk menguji andaian normaliti data. Jika nilai Sig. > 0.05, data dianggap bertaburan secara normal; manakala jika nilai Sig. < 0.05, data dianggap tidak bertaburan normal [10], [12].

Jadual 1


| Variabel | Sem | Kolmogorov-Smirnov (Sig.) | Shapiro-Wilk (Sig.) | Keputusan Normaliti |
|-----------------------------|-----|---------------------------|---------------------|---------------------|
| Tahap Xenoglossofobia | 1 | .200* | .491 | Normal |
| | 2 | .200* | .293 | Normal |
| | 3 | .084 | .225 | Normal |
| Tahap Motivasi Pembelajaran | 1 | .151 | .088 | Normal |
| | 2 | .000 | .000 | Tidak Normal |
| | 3 | .000 | .000 | Tidak Normal |

Keputusan ujian dalam Jadual 1 menunjukkan bahawa sebahagian data tidak memenuhi andaian kenormalan secara keseluruhan. Oleh itu, pemilihan analisis statistik dilakukan dengan mengambil kira keputusan ujian normaliti tersebut untuk memastikan kesahihan inferens yang dihasilkan.

Jadual 2

| Skala | Tahap |
|-----------|-----------|
| 1.00-2.33 | Rendah |
| 2.34-3.67 | Sederhana |
| 3.68-5.00 | Tinggi |

Jadual 2 menunjukkan tafsiran tahap skor min bagi skala Likert lima mata yang digunakan dalam kajian ini. Berdasarkan [13], julat skor dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu rendah (1.00–2.33), sederhana (2.34–3.67) dan tinggi (3.68–5.00).



Rajah 1 : Model Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 1 memperlihatkan model kerangka konseptual yang menerangkan hubungan antara Xenoglossofobia sebagai pemboleh ubah bebas dengan motivasi pembelajaran dan prestasi pembelajaran sebagai pemboleh ubah bersandar. Model ini mengandaikan bahawa Xenoglossofobia mempunyai pengaruh negatif terhadap motivasi pembelajaran pelajar, yang seterusnya memberi kesan kepada prestasi akademik.

Secara khusus, hipotesis H1 mencadangkan bahawa peningkatan tahap Xenoglossofobia akan menurunkan motivasi pembelajaran. Hipotesis H2 pula mengandaikan bahawa motivasi pembelajaran mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan prestasi pembelajaran. Selain itu, hipotesis H3 menguji kesan langsung Xenoglossofobia terhadap prestasi pembelajaran.

Model ini turut mengimplikasikan peranan motivasi pembelajaran sebagai pemboleh ubah perantara separa dalam hubungan antara Xenoglossofobia dan prestasi pembelajaran. Justeru, kerangka ini menyediakan asas empirikal yang kukuh untuk menilai hubungan langsung dan tidak langsung antara pemboleh ubah melalui analisis regresi.

V. KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 3

| Item | Min | sd | Tahap |
|---|------------|-------------|-----------|
| B1. Saya rasa gementar apabila perlu bercakap dalam Bahasa Inggeris di hadapan kelas. | 3.36 61 | 1.13 640 | Sederhana |
| B2. Jantung saya berdebar-debar apabila pensyarah bertanya soalan kepada saya dalam Bahasa Inggeris. | 3.33 04 | 1.15 900 | Sederhana |
| B3. Saya takut diketawakan oleh rakan sekelas jika saya membuat kesalahan tatabahasa (grammar) atau sebutan (pronunciation). | 3.39 29 | 1.24 819 | Sederhana |
| B4. Saya berasa "beku" (freeze) atau fikiran menjadi kosong apabila perlu memberi respons secara spontan dalam Bahasa Inggeris. | 3.38 84 | 1.18 134 | Sederhana |
| B5. Saya lebih suka berdiam diri daripada menyertai perbincangan kumpulan yang menggunakan Bahasa Inggeris. | 2.65 18 | 1.16 918 | Sederhana |
| B6. Saya risau orang lain akan menilai saya berdasarkan tahap penguasaan Bahasa Inggeris saya | 3.30 80 | 1.27 716 | Sederhana |
| B7. Saya mengelak daripada mengambil bahagian dalam aktiviti seperti pembentangan (presentation) dalam Bahasa Inggeris | 2.47 77 | 1.19 770 | Sederhana |
| B8. Saya berasa tidak selesa apabila bercakap Bahasa Inggeris dengan rakan yang lebih fasih | 2.85 27 | 1.26 374 | Sederhana |
| B9. Tangan saya berpeluh atau badan saya menggeletar apabila memikirkan tentang ujian lisan (speaking test) Bahasa Inggeris. | 2.98 66 | 1.27 578 | Sederhana |

| | | | |
|---|------------|-------------|-----------|
| B10. Saya lebih rela menulis jawapan daripada menyatakannya secara lisan dalam kelas Bahasa Inggeris. | 3.48 66 | 1.25 630 | Sederhana |
| Min keseluruhan | 3.12 41 | .949 32 | Sederhana |

Analisis statistik deskriptif telah dijalankan untuk mengukur tahap Xenoglossofobia dalam kalangan pelajar. Dapatan dalam Jadual 2 menunjukkan bahawa nilai min bagi setiap item berada dalam julat 2.4777 hingga 3.4866, dengan item B10 (Min = 3.4866, SP = 1.25630) mencatatkan skor tertinggi diikuti oleh B3 (Min = 3.3929, SP = 1.24819) dan B4 (Min = 3.3884, SP = 1.18134), menunjukkan bahawa beberapa situasi tertentu dalam penggunaan bahasa Inggeris lebih mencetuskan kebimbangan pelajar. Sebaliknya, item seperti B7 (Min = 2.4777, SP = 1.19770) dan B5 (Min = 2.6518, SP = 1.16918) mencatatkan skor yang lebih rendah, menandakan bahawa tidak semua aspek penggunaan bahasa Inggeris menimbulkan kebimbangan yang sama. Secara keseluruhannya, nilai min bagi konstruk xenoglossofobia (MEAN_B) ialah 3.1241 dengan sisihan piawai 0.94932, menunjukkan bahawa tahap xenoglossofobia dalam kalangan pelajar adalah pada tahap sederhana. Dapatan ini sejajar dengan kajian terdahulu yang melaporkan bahawa pelajar sering mengalami tahap kebimbangan bahasa yang sederhana ketika mempelajari bahasa asing seperti bahasa Inggeris, yang boleh memberi impak kepada keterlibatan dan persepsi pembelajaran mereka [14].

Jadual 4

| Pembolehubah | Xenoglossofobia | Motivasi | Prestasi |
|-----------------|-----------------|----------|----------|
| Xenoglossofobia | 1.000 | -.264* | -.390** |
| Motivasi | -.264** | 1.000 | .621* |
| Prestasi | -.390** | .621** | 1.000 |

Nota:

N = 24

p < .01 (2-tailed)

Bagi menilai kesan xenoglossofobia terhadap motivasi dan prestasi pelajar, analisis korelasi Spearman telah dijalankan kerana data tidak memenuhi sepenuhnya andaian normaliti. Jadual 4 menunjukkan terdapat hubungan negatif yang signifikan antara xenoglossofobia dan motivasi pembelajaran ($r_s = -0.264, p < 0.01$). Walaupun kekuatan hubungan adalah lemah ke sederhana, keputusan ini menunjukkan bahawa peningkatan tahap xenoglossofobia cenderung mengurangkan tahap motivasi pelajar dalam kursus Bahasa Inggeris.

Selain itu, analisis turut menunjukkan hubungan negatif yang signifikan antara xenoglossofobia dan prestasi pembelajaran ($r = -0.390, p < 0.01$). Kekuatan hubungan ini adalah sederhana dan lebih tinggi berbanding hubungan dengan motivasi, memberi gambaran bahawa ketakutan terhadap penggunaan bahasa Inggeris memberi kesan yang lebih ketara terhadap pencapaian akademik pelajar. Seterusnya, terdapat hubungan positif yang kuat dan signifikan antara motivasi dan prestasi pembelajaran ($r = 0.621, p < 0.01$), menunjukkan bahawa peningkatan tahap motivasi berkait rapat dengan peningkatan prestasi pelajar dalam kursus Bahasa Inggeris.

Dapatan ini sejajar dengan kajian terdahulu yang mendapati bahawa kebimbangan bahasa mempunyai hubungan negatif dengan motivasi dan pencapaian dalam pembelajaran bahasa kedua, di mana pelajar yang mengalami kecemasan bahasa cenderung menunjukkan prestasi yang lebih rendah dan kurang bermotivasi dalam pembelajaran mereka [14]. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini mengesahkan bahawa Xenoglossofobia mempunyai hubungan signifikan dengan motivasi dan prestasi pelajar; semakin tinggi tahap kebimbangan berbahasa asing, semakin rendah motivasi dan pencapaian akademik pelajar, manakala motivasi yang tinggi pula menyumbang secara positif kepada keberkesanan pembelajaran.

VI. KESIMPULAN

Kajian mendapati tahap xenoglossofobia dalam kalangan pelajar berada pada tahap sederhana, menunjukkan kebimbangan terhadap penggunaan bahasa Inggeris masih wujud tetapi tidak terlalu tinggi. Analisis korelasi menunjukkan xenoglossofobia mempunyai hubungan negatif yang signifikan dengan motivasi ($r = -0.264, p < 0.01$) dan prestasi pembelajaran ($r = -0.390, p < 0.01$), manakala motivasi pula mempunyai hubungan positif yang kuat dengan prestasi ($r = 0.621, p < 0.01$). Dapatan ini sejajar dengan kajian [14],[15] yang menunjukkan bahawa kebimbangan bahasa mempunyai kesan negatif terhadap pencapaian akademik dan motivasi pelajar dalam pembelajaran bahasa kedua. Fenomena ini membuktikan bahawa perasaan cemas dan ketakutan dalam situasi penggunaan bahasa boleh mengurangkan minat pelajar untuk berpartisipasi secara aktif dan mencapai prestasi yang lebih tinggi. Oleh itu, motivasi berperanan penting sebagai faktor pemudah dalam meningkatkan prestasi pembelajaran apabila kebimbangan dapat diurus dengan berkesan.

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa tahap xenoglossofobia dalam

kalangan pelajar berada pada tahap sederhana. Walaupun tidak berada pada tahap tinggi, ketakutan terhadap penggunaan bahasa Inggeris masih wujud dan memberi implikasi terhadap proses pembelajaran. Analisis korelasi menunjukkan bahawa xenoglossofobia mempunyai hubungan negatif yang signifikan dengan motivasi dan prestasi pelajar, manakala motivasi pula mempunyai hubungan positif yang kuat dengan prestasi. Keputusan ini selaras dengan dapatan literatur bahawa kebimbangan bahasa boleh mengurangkan motivasi dan pencapaian pembelajaran dalam kalangan pelajar bahasa kedua [15]. Dapatan ini mengesahkan bahawa aspek emosi dan psikologi pelajar perlu diberi perhatian serius dalam pengajaran bahasa Inggeris dan strategi pedagogi yang lebih menyokong perlu dirangka untuk menangani isu ini.

Cadangan Kajian Masa Depan

Berdasarkan dapatan kajian, beberapa cadangan dikemukakan bagi memperkukuh penyelidikan pada masa hadapan. Pertama, kajian ini hanya tertumpu kepada satu institusi, justeru kajian lanjutan disarankan melibatkan beberapa politeknik atau universiti bagi meningkatkan kebolegunaan dan generalisasi dapatan. Liputan sampel yang lebih luas dapat memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang tahap xenoglossofobia dalam konteks pendidikan tinggi.

Kedua, kajian masa depan dicadangkan menggunakan pendekatan campuran (*mixed-method*) dengan menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif bagi memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang pengalaman pelajar menghadapi kebimbangan bahasa seperti xenoglossofobia [16].

Selain itu, penyelidikan akan datang boleh menguji peranan pemboleh ubah perantara seperti motivasi dalam hubungan antara Xenoglossofobia dan prestasi pelajar melalui analisis lanjutan seperti *Structural Equation Modeling* (SEM). Kajian berbentuk eksperimen atau kuasi-eksperimen juga boleh dijalankan untuk menilai keberkesanan intervensi tertentu dalam mengurangkan kebimbangan bahasa.

Akhir sekali, kajian masa depan disarankan memasukkan faktor lain yang berpotensi mempengaruhi prestasi pembelajaran seperti efikasi sendiri, sokongan pensyarah dan persekitaran bilik darjah untuk menghasilkan model kajian yang lebih holistik dalam memahami keberkesanan pembelajaran bahasa Inggeris.

PENGAKUAN

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada pihak pengurusan Politeknik Sultan Idris Shah yang menyokong hasil penulisan penyelidikan ini dari segi sokongan alat bantu serta penggunaan fasiliti.

RUJUKAN

[1] N. H. Ibrahim and K. Hj. Ismail, "Kebimbangan terhadap penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia," *Jurnal Personalia Pelajar*, 2010.

[2] Z. Luo and Y. Xiong, "Is anxiety always harmful? An exploration of the impact of language anxiety on EFL learning motivation, EFL competence and EFL academic performance," *BMC Psychology*, vol. 13, p. 674, 2025.

[3] M. S. Rosli, S. N. S. Idris, and N. S. Abdul Halim, "The impact of foreign language anxiety on technical students' communication competence in Malaysian Polytechnics," *Journal of Technical Education and Training (JTET)*, vol. 14, no. 2, pp. 45–56, 2022.

[4] E. K. Horwitz, M. B. Horwitz, and J. Cope, "Foreign language classroom anxiety," *The Modern Language Journal*, vol. 70, no. 2, pp. 125–132, 1986.

[5] P. D. MacIntyre and R. C. Gardner, "Methods and results in the study of anxiety and language learning: A review of the literature," *Language Learning*, vol. 41, no. 1, pp. 85–117, 1991.

[6] S. D. Krashen, *Principles and Practice in Second Language Acquisition*. Oxford, U.K.: Pergamon Press, 1982.

[7] J. Dewaele and L. P. Li, "The dynamic interplay of language anxiety and enjoyment in the foreign language classroom," *The Modern Language Journal*, vol. 107, no. S1, pp. 118–135, 2023. (High Impact: Q1 Journal).

[8] R. C. Gardner, *Social Psychology and Second Language Learning: The Role of Attitudes and Motivation*. London, U.K.: Edward Arnold, 1985.

[9] Y. Aida, "Examination of Horwitz, Horwitz, and Cope's construct of foreign language anxiety: The case of students of Japanese," *The Modern Language Journal*, vol. 78, no. 2, pp. 155–168, 1994.

[10] N. A. Mahmor and Z. M. Don, "Language anxiety and English proficiency among vocational students in Malaysia: A structural equation modelling approach," *International Journal of Applied Linguistics*, vol. 34, no. 1, pp. 210–228, 2024.

[11] P. Mishra, "Descriptive Statistics and Normality Tests for Statistical Data," *PMCID*, 2019.

[12] N. Hidayana Mohd Noor and A. M. Fuzi, "Assessment of Validity, Reliability, and Normality in Quantitative Study: A Survey Instrument Analysis with IBM SPSS," *Asian Journal of Research in Education and Social Sciences*, 2025.

[13] Hanusz, Zofia, Joanna Tarasinska, and Wojciech Zielinski. "Shapiro–Wilk test with known mean." *REVSTAT-statistical Journal* 14, no. 1 (2016): 89-100.

[14] Pallant, J. (2020). *SPSS survival manual* (7th ed.). McGraw-Hill Education.

[15] M. Amengual-Pizarro, "Foreign language classroom anxiety among English for specific purposes (ESP) students," *International Journal of English Studies*, 2018. doi:10.6018/ijes.2018/2/323311.

[16] M. Liu and W. Huang, *An Exploration of Foreign Language Anxiety and English Learning Motivation*, Education Research International, vol. 12, no. 5, 2011, doi:10.1155/2011/493167.

MAKLUMAT PENULIS

| | |
|--|---|
| <p>Penulis Pertama: Nur Hidayati binti Sanusi</p>  | <p>Jabatan Pengajian Am, Politeknik Sultan Idris Shah, Sungai Lang, 45100 Sungai Air Tawar, Selangor, Malaysia.</p> <p>E-mail: hidayatisanusi@psis.mypolycc.edu.my</p> |
| <p>Penulis Kedua: Mohd Khairi bin Nordin@Baharuddin</p>  | <p>Jabatan Pengajian Am, Politeknik Sultan Idris Shah, Sungai Lang, 45100 Sungai Air Tawar, Selangor, Malaysia.</p> <p>E-mail: khairinordin@psis.edu.my</p> |
| <p>Penulis Ketiga: Mohammad bin Muda</p>  | <p>Jabatan Pengajian Am, Politeknik Sultan Idris Shah, Sungai Lang, 45100 Sungai Air Tawar, Selangor, Malaysia.</p> <p>E-mail: mohammadmuda@psis.edu.my</p> |